

23 JUL 1998

Mahathir-Rancangan

KERAJAAN TERIMA PAKAI CADANGAN MTEN SEPENUHNYA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan menerima pakai semua cadangan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) kecuali jika terdapat bantahan tertentu.

Beberapa cadangan telahpun dilaksanakan, katanya kepada pemberita selepas majlis dialog dua jam dengan ketua-ketua pegawai eksekutif (CEO) syarikat-syarikat tempatan di sini hari ini.

MTEN hari ini mengeluarkan Rancangan Pemulihan Ekonomi Negara yang merangkumi pelbagai langkah untuk membawa keluar negara ini daripada kelembapan ekonomi semasa.

Perdana Menteri juga berkata CEO telah menunjukkan sambutan yang menggalakkan dan mereka bersetuju untuk menyokong rancangan pemulihan kerajaan.

Dr Mahathir juga berkata Bank Negara Malaysia (BNM) telah merangka satu format bagi penubuhan pusat penjelasan bagi penyelesaian perdagangan di antara negara-negara.

Bagaimanapun, katanya, butiran lanjut akan diumumkan oleh BNM kemudian.

Pusat penjelasan itu antara lain akan mencatatkan urusan import dan eksport negara.

Dr Mahathir juga berkata kadar faedah efektif di negara ini telah dikurangkan.

Beliau berkata kadar itu tinggi bukan kerana kadar asas pinjaman yang tinggi tetapi julat kadar faedah yang kadangkala mencecah 4 peratus sedangkan ia sepatutnya berada pada 0.5 peratus.

"Bank-bank harus berbuat begitu (menaikkan julat kadar faedah) untuk mengurangkan risiko mereka dan sesetengahnya menambah kos kerana deposit yang berkurangan dan terpaksa meminjam daripada pasaran antara bank," katanya.

Mengenai pengurangan Keperluan Rizab Berkanun oleh institusi-institusi kewangan, beliau berkata, kerajaan telah berjaya mengurangkan kos wang bank dan ini telah membolehkan mereka mengurangkan julat mereka dan seterusnya mengurangkan kadar faedah efektif.

-- BERNAMA

SHO JR MA